

# ESTETIKA DALAM KEHIDUPAN KONTEMPORARI<sup>1</sup>

Osman Bakar<sup>2</sup>

Sebelum saya menghuraikan kedudukan estetika dalam kehidupan kontemporari, saya rasa baik dijejaskan dahulu makna perkataan 'estetika' itu sendiri. Kita sedia maklum bahawa istilah 'estetika' atau 'estetik' dalam bahasa Melayu adalah perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris. Kita menggunakannya sebagai terjemahan dua perkataan Inggeris, iaitu 'aesthetic' dan 'aesthetics'. (Dalam kamus-kamus bahasa Inggeris perkataan 'aesthetic' digunakan sebagai kata sifat untuk menerangkan keadaan kecantikan atau keindahan sesuatu benda atau untuk menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keindahan. Sebagai contoh, yang dipinjam daripada salah sebuah kamus, dikatakan "bangunan itu estetik tetapi kurang berguna dari segi fungsi amalnya." Selaras dengan makna ini, kamus Dewan bahasa dan Pustaka menjelaskan makna 'estetik' seperti berikut: "Yang berkaitan dengan keindahan atau penghargaan terhadap keindahan (terutamanya dalam bidang seni)."

Perkataan 'aesthetics' pula digunakan sebagai kata nama untuk merujuk kepada bidang atau disiplin ilmu. Menurut beberapa buah kamus bahasa Inggeris 'aesthetics' adalah "kajian atau ilmu (sains) tentang keindahan terutamanya dalam bidang seni." Estetika dalam ertikata suatu disiplin ilmu tidak disebut dalam Kamus Dewan. Walaupun makna 'estetik' yang dinyatakan dalam Kamus itu boleh difahami sebagai merujuk kepada

---

<sup>1</sup>Teks Ucapan Dasar yang disampaikan di Seminar Status Estetika Dalam Kehidupan Kontemporari anjuran Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya pada 8 November 1997 di IPSP.

<sup>2</sup>Profesor Falsafah Sains, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi dan Timbalan Naib Canselor (Akademik) Universiti Malaya.

pemakaiannya sebagai kata sifat dan juga boleh merujuk kepada pemakaiannya sebagai kata nama, tetapi nampaknya ia tertumpu kepada apa yang dimaksudkan dengan perkataan Inggeris 'aesthetic'. Contoh tunggal yang dikemukakan oleh Kamus itu untuk menerangkan makna 'estetik', iaitu nilai-nilai estetik ("aesthetic values"), memperkuatkan lagi pandangan bahawa Kamus itu telah mengabaikan makna "disiplin ilmu" yang dikaitkan dengan perkataan 'aesthetics'.

Dari segi peristilahan dalam bahasa Melayu, kita juga berhadapan dengan keadaan yang tidak memuaskan. Perkataan 'estetik' dan perkataan 'estetika' kedua-duanya digunakan secara bertukar ganti dengan membawa makna yang sama. Pada pendapat saya, kita tidak harus menggunakan kedua-dua istilah tanpa sebarang perbezaan makna. Yang wajarnya, sama ada salah satu istilah sahaja digunakan untuk menyampaikan makna yang terkandung dalam perkataan 'aesthetic' dan makna perkataan 'aesthetics' atau pun bagi setiap perkataan Inggeris itu ada satu istilah khas digunakan dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan maknanya. Saya rasa elok dan wajar dicipta satu istilah khas untuk menamakan disiplin ilmu yang mengkaji tentang keindahan supaya perhatian khusus dapat diberikan untuk memajukan cabang ilmu yang sangat terabai ini.

Kesimpulannya, baik dari segi peristilahan mahu pun dari segi penjelasan tentang bidang dan ruanglingkup makna keindahan, ternyata bahawa pencapaian kita dan pencapaian bahasa Melayu dalam bidang pemikiran estetika masih belum memuaskan. Kita lebih lagi terasa keadaan yang tidak memuaskan ini bila kita mendapati bahawa kamus yang lazimnya menjadi tempat rujukan pertama kita untuk mengetahui makna sesuatu istilah dan memahami idea yang berkaitan dengannya tidak banyak membantu kita untuk mendapatkan penjelasan makna yang lengkap dan jitu. Ilmu mantik (logik) dan ilmu falsafah mengajar kita bahawa salah satu syarat untuk berkembangnya pemikiran atau teori dalam sesuatu bidang ialah wujudnya istilah-istilah yang tepat dan jitu bagi konsep-konsep dan idea-idea teras dalam bidang itu. Oleh yang demikian, dalam kita menuju ke arah pembentukan teori keindahan dan pemikiran estetika yang kukuh dan

sempurna, terlebih dahulu harus diperbaiki apa juga kelemahan yang terdapat pada aspek peristilahan dan juga aspek perumusan konsep berkaitan dengan alam dan hakikat keindahan dan tanggapan manusia terhadapnya.

Dalam perbincangan ini, saya akan menggunakan istilah 'estetika' bukan sahaja untuk merujuk kepada dimensi keindahan dalam segala bentuk kewujudannya dan segala pengalaman manusia berkaitan dengannya tetapi juga untuk merujuk kepada cabang ilmu yang mengkaji tentang makna keindahan dan berbagai-bagai teori kesenian. Saya akan menghuraikan beberapa faktor utama yang pada pandangan saya menyebabkan pengabaian dimensi estetika dalam kehidupan kontemporari serta menyarankan bagaimana kita dapat membantu dalam menghidupkan semula ilmu estetika supaya ia berkembang dengan lebih subur dan menyemarakkan lagi kesedaran estetika di kalangan anggota masyarakat kita.

### **Estetika Sebagai Disiplin Ilmu**

Sejak bermulanya tradisi renungan falsafah beribu-ribu tahun yang lalu, ahli-ahli falsafah Timur dan Barat yang mewakili pelbagai era dan zaman telah mengemukakan berbagai-bagai teori estetika. Setelah meninjau himpunan tulisan tentang teori estetika yang pernah dihasilkan sepanjang sejarah pemikiran Barat, George Santayana, salah seorang ahli falsafah Amerika yang paling terkemuka dalam dunia moden, telah membuat kesimpulan bahawa keseluruhan tulisan itu boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Dalam kumpulan pertama ialah tulisan-tulisan karangan ahli-ahli falsafah "yang mentafsirkan fakta-fakta estetika dari kacamata prinsip-prinsip metafizik yang dianuti masing-masing, dan yang menjadikan teori citarasa mereka sebagai suatu kesimpulan daripada sistem [metafizik] masing-masing atau sebagai notakaki kepadanya".<sup>3</sup> Dalam kumpulan kedua ialah tulisan-tulisan "para seniman dan pengkritik yang telah mengembara ke alam falsafah menerusi tafsiran-tafsiran umum dan luas mereka terhadap petua-petua yang diamalkan

---

<sup>3</sup>George Santayana, *The Sense of Beauty: Being the Outline of Aesthetic Theory* (New York : Dover Publications, Inc., 1955), h. 4. (Buku ini mula diterbitkan oleh Charles Scribner's Sons pada tahun 1896).

dalam bidang ketukangan masing-masing atau terhadap komentar pemerhati dunia seni yang peka.”

Berdasarkan pencirian motif penghasilan kedua-dua kumpulan tulisan oleh Santayana, maka jelaslah bahawa motif falsafah memainkan peranan yang penting. Adalah juga jelas bahawa pemikiran estetika mempunyai hubungan yang erat dengan falsafah. Malahan secara lebih tegas dan lebih khusus lagi, bolehlah dikatakan bahawa estetika merupakan teras falsafah seni. Dengan kata lain, estetika adalah salah satu cabang ilmu falsafah, khususnya falsafah seni. Apa yang berlaku dalam sejarah pemikiran manusia ialah lama sebelum munculnya estetika sebagai suatu disiplin ilmu yang bebas dan terasing dari cabang-cabang falsafah lain, konsep dan teori keindahan telah dibincangkan sebagai sebahagian daripada ilmu metafizik atau ilmu ketuhanan. Di kalangan ahli-ahli falsafah Greek-Yunani seperti Aristotle dan di kalangan ahli-ahli falsafah Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina dan Ibn Rushd unsur-unsur teori keindahan juga dibincangkan dalam ilmu logik. Contohnya, al-Farabi telah membincangkan kanun atau petua-petua seni syair dalam konteks ilmu mantik.<sup>4</sup>

Tradisi meletakkan wacana berbentuk syair sebagai sebahagian daripada ilmu dan pengajian logik bermula dengan Aristotle. Tulisan beliau tentang seni syair dijadikan sebahagian daripada himpunan karya logiknya yang dikenali dengan nama “Organon Aristotle”. Dalam kerangka perbincangannya tentang seni syair inilah beliau telah mengemukakan pandangannya tentang beberapa aspek estetika, khususnya mengenai kriteria keindahan. Tradisi yang diasaskan oleh Aristotle ini pada umumnya diikuti oleh ahli-ahli falsafah Islam dari mazhab **mashsha’i** (Peripatetik) termasuklah al-Farabi, Ibn Sina dan Ibn Rushd. Oleh sebab itu kita dapati bahawa tokoh-tokoh falsafah Islam ini hanya mengupas isu estetika dalam hubungannya dengan seni syair.

---

<sup>4</sup>Perbincangan al-Farabi ini terkandung dalam tulisannya yang berjudul *al-Risalat fi qawanin sina`at al-shi`r* (Risalah tentang Petua-Petua Seni Syair). Lihat terjemahan Inggerisnya oleh A.J. Arberry, “Farabi’s Canons of Poetry,” *Revisita degli Studi Orientali*, 17 : 266-78 (1938).

Bukan semua ahli falsafah dan ahli fikir Islam berbicara tentang estetika dalam hubungannya dengan syair dan di dalam kerangka ilmu logik. Suhrawardi, pengasas mazhab **ishraqi** (Iluminasi) dalam falsafah Islam mengemukakan teori estetikanya dalam kerangka perbincangan metafizik cahaya dan perbincangan kosmologi. Sama seperti Pythagoras dan Plato, ahli-ahli tasawuf seperti al-Ghazali, Ibn `Arabi dan Jalal al-Din Rumi menghuraikan pandangan mereka tentang keindahan dalam hubungannya dengan ilmu ketuhanan dan di dalam kerangka ilmu kerohanian.

Pandangan umum di Barat mengisytiharkan Alexander Baumgarten (1714-1762), seorang ahli falsafah bangsa Jerman yang banyak terpengaruh dengan Leibniz, sebagai pengasas ilmu estetika dari segi pengiktirafan rasminya sebagai disiplin ilmu yang bebas dan terpisah dari ilmu induknya. Baumgarten diiktiraf sebagai orang yang pertama memperkenalkan istilah 'aesthetics'<sup>5</sup> ke dalam ilmu falsafah. Beliau telah menghasilkan tulisan yang khusus membicarakan konsep dan teori estetika. Judul buku ini pun sekadar berbunyi **Aesthetics** (1750-58). Walaupun beliau memberi takrif yang lebih luas kepada disiplin ilmu itu daripada pengertiannya yang diterimapakai sekarang, namun beliau masih dianggap sebagai pengasas ilmu itu. Ini kerana teori keindahan merupakan teras atau intipati kajiannya dalam buku tersebut. Yang menariknya Baumgarten mengekalkan estetika sebagai cabang ilmu falsafah. Tetapi beliau menempatkannya secara lebih khusus lagi sebagai cabang teori ilmu, yakni cabang epistemologi.

Kriteria yang digunakan untuk mengiktiraf seseorang sebagai pengasas suatu cabang ilmu baru tidak begitu jelas. Secara jituanya, Baumgarten tidak layak diiktiraf sebagai pengasas ilmu estetika dalam pengertian kontemporarinya kerana beliau menggunakan istilah itu untuk merujuk kepada ilmu dan kajian tentang persepsi secara umum dan bukan untuk merujuk secara khusus kepada kajian tentang keindahan. Adalah lebih wajar lagi sekiranya orang seperti Friedrich Hegel (1770-1831) dianggap sebagai

---

<sup>5</sup>Istilah ini adalah terbitan daripada perkataan **aisthesis** dalam bahasa Greek yang bermakna "penderiaan".

pengagasnya memandangkan bahawa beliaulah orangnya yang buat pertama kalinya menegaskan dengan jelas bahawa mauduk atau bahan kajian sebenar ilmu estetika ialah "keindahan dalam kesenian".

Malahan di kalangan ahli-ahli fikir Islam pada zaman klasik pun terdapat beberapa orang tokoh yang lebih wajar dianggap sebagai pengasas ilmu estetika dalam pengertian moden berbanding dengan Baumgarten. Ini kerana dalam tradisi Islam sudah terdapat pemikir-pemikir yang menghasilkan tulisan khusus tentang konsep dan teori keindahan. Dengan kata lain, keindahan sudah mula dibincangkan sebagai satu persoalan yang tersendiri dan terpisah daripada isu-isu falsafah lain. Contohnya ialah tulisan Najm al-Din al-Kubra, seorang tokoh tasawuf dari Asia Tengah, yang berjudul **Fawa'ih al-jamal wa fawatih al-jalal** ("Keharuman Keindahan dan Pembukaan Kehebatan").<sup>6</sup>

Semasa Santayana menghasilkan karyanya tentang teori keindahan, beliau mendapati bahawa istilah ilmu estetika masih digunakan dalam pengertian yang dimaksudkan oleh Baumgarten. Santayana juga memaklumkan bahawa banyak penulis pada kurun ke-18 dan kurun ke-19 menggunakan istilah **criticism** ("kritikan") untuk merujuk kepada teori dan falsafah keindahan.

Sebenarnya, dalam dunia Barat moden dan dalam dunia kontemporari, kedudukan estetika sebagai satu disiplin ilmu tidak begitu jelas berbanding dengan banyak cabang ilmu lain. Asas falsafahnya tidak kukuh. Mauduk dan metodologi pengajiannya tidak berapa jelas. Maka tidak hairanlah sekiranya pengajaran ilmu ini di pusat-pusat pengajian tinggi menghadapi banyak kesulitan. Mereka yang bertanggungjawab dalam perancangan dan penyusunan kurikulum pengajian di institusi pengajian tinggi kurang jelas tentang tempat dan peranan yang wajar diberikan kepada ilmu estetika.

---

<sup>6</sup>Lihat S.H. Nasr, "Islamic Aesthetics" dalam Eliot Deutsch dan Ron Bontekoe, ed. *A Companion to World Philosophies*, h. 455.

## **Makna Keindahan**

- “Tuhan Maha Indah. Dia cintakan keindahan” (hadith)
- Keindahan adalah kehebatan Yang Maha Benar (Plato)
- Yang Maha Benar, Yang Maha Indah dan Yang Maha Baik merujuk kepada hakikat yang sama (Plato)
- Keindahan merujuk kepada kesimitrian bentuk (Plato)
- Aristotle menyamakan keindahan dengan hakikat kesatuan dalam kepelbagaian.
- Teori estetika Ibn Sina didasarkan kepada kepentingan khayalan (imajinasi) dan prinsip-prinsip keseimbangan dan keharmonian)
- Suhrawardi menyamakan keindahan dengan cahaya. Tuhan adalah Yang Maha Indah kerana Dia adalah cahaya segala cahaya.
- Keindahan terpancar daripada kebolehan tertinggi akal, iaitu mengenal Tuhan (Suhrawardi)
- “Yang Maha Indah ialah Tuhan Yang Maha gung yang memiliki sifat kudrat dan sifat keindahan. Setiap keindahan dan kesempurnaan yang terzahir pada berbagai-bagai martabat makhluk adalah sinaran keindahan-Nya yang sempurna yang terpancar pada makhluk-makhluk berkenaan”. (Abd al-Rahman Jami)
- Keindahan ialah kehadiran kebenaran dalam bentuk zahir (Hegel)

## **Faktor-Faktor Yang Mengakibatkan Pengabaian Estetika dalam Kehidupan Kontemporari**

- Tanggapan umum bahawa keindahan itu mahal harganya. “Yang indah itu mahal”.
- Aliran pemikiran utama dalam falsafah sains moden menekankan pengajian alam tabii yang bersifat terlalu kuantitatif sehingga mengorbankan aspek kualiti yang tidak dapat disukat dan diukur. Keindahan adalah kualiti. Oleh itu pengajian tentang keindahan turut menjadi mangsa “Zaman Kuantiti”.
- Sifat teknologi moden tidak memberi tempat kepada estetika tradisi seperti yang dizahirkan menerusi berbagai bentuk kesenian dan kraf tradisi.

- Aliran pemikiran “empiricism” memisahkan fakta daripada nilai dan memberi keutamaan kepada pengajian tentang fakta atas alasan bahawa nilai bersifat subjektif manakala fakta bersifat objektif.
- Pergeseran dan pertelingkahan antara faham keobjektifan (“objectivity”) dan faham kesubjektifan (“subjectivity”).  
Penekanan kepada keobjektifan pada suatu masa dahulu menyebabkan terabainya kajian tentang fakulti estetika yang dianggap sebagai subjektif.
- Kepudaran tradisi kerohanian dan falsafah tradisi.

## Penyelesaian

Tumpuan yang lebih besar perlu diberi kepada ilmu estetika, terutamanya di institusi pengajian tinggi. Ilmu kerohanian dan ilmu falsafah yang boleh menjadi asas kukuh dan “catalyst” kepada ilmu estetika perlu digalakkan dan dikembangkan.

ob/seminar estetika  
8.11.97

31/10/2025 10:00:00 AM

10/11/2025 10:00:00 AM

10/11/2025 10:00:00 AM